



Rakyat perlu hormati keputusan Seri Paduka, seterusnya perkukuh perpaduan kaum yang menjadi tonggak kemakmuran negara.

Datuk Seri Hadi Awang,
Presiden PAS



Saya tidak mahu komen apa-apa, cuma nak katakan, misi saya berjaya dan selesai.

Ahmad Zahid Hamidi,
Presiden UMNO



Tan Sri Muhyiddin Yassin

Isteri: Puan Sri Norainee Abdul Rahman
Anak: 4 orang
Tarikh Lahir: 15 Mei 1947
Tempat Lahir: Muar, Johor



Muhyiddin pada sidang media di kediamannya selepas diumumkan sebagai Perdana Menteri ke-8, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

Muhyiddin minta rakyat terima keputusan Agong

Zahirkan syukur, terima kasih atas sokongan dilantik jadi PM ke-8

Oleh M Hifzuddin Ikhsan, Rohaniza Idris, Mohamed Farid Noh, Mohd Iskandar Ibrahim, Zanariah Abd Mutalib, Nor Azizah Mokhtar, Safeek Affendy Razali, Suzalina Halid, Mohd Nasaruddin Parzi, Farah Marshita Abdul Patah, Luqman Arif Abdul Karim, Ahmad Suhael Adnan, Zatul Iffah Zolkiply, Noor Atiqah Sulaiman, Rafiqah Dahali dan Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: "Saya hanya memohon untuk seluruh rakyat Malaysia menerima baik keputusan diumumkan Istana Negara hari ini," kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau yang juga Penggerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) itu, mengharapkan seluruh rakyat Malaysia, menerima dengan hati terbuka keputusan diumumkan Istana Negara itu.

"Saya menjunjung kasih atas perkenan Yang di-Pertuan Agong dan ingin ucapkan terima kasih kepada semua yang memberi sokongan moral kepada saya. Kita telah pun beristiqamah untuk menyatakan syukur atas anugerah yang diberikan Allah SWT kepada saya."

Dalam ucapan ringkasnya kepada media, Muhyiddin menzahirkan penghargaan kepada Yang di-Pertuan Agong serta semua pihak yang sentiasa menyokongnya sepanjang kecelaruan politik negara tercetus.

Beliau yang juga Penggerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) itu, mengharapkan seluruh rakyat Malaysia, menerima dengan hati terbuka keputusan diumumkan Istana Negara itu.

"Saya menjunjung kasih atas perkenan Yang di-Pertuan Agong dan ingin ucapkan terima kasih kepada semua yang memberi sokongan moral kepada saya. Kita telah pun beristiqamah untuk menyatakan syukur atas anugerah yang diberikan Allah SWT kepada saya."

Beliau memberitahu pemberita di hadapan kediamannya dekat Bukit Damansara di sini, sejurus kenyataan media mengesahkan

Saya menjunjung kasih atas perkenan Yang di-Pertuan Agong dan ucapkan terima kasih kepada semua yang memberi sokongan moral kepada saya. Kita telah pun beristiqamah untuk menyatakan syukur atas anugerah yang diberikan Allah SWT kepada saya.

Muhyiddin Yassin

pemilihan lantikan itu dikeluaran Istana Negara, semalam.

Terdahulu, Muhyiddin keluar bertemu wartawan dan jurugambar bersama isteri, Puan Sri Norainee Abd Rahman, anak serta cucunya selepas mendapat makluman diperkenankan menjadi Perdana Menteri ke-8.

Ia bermakna, Muhyiddin akan mengetuai pentadbiran Perikatan Nasional, pakatan baharu yang membabitkan kerja sama di antara BERSATU, UMNO, PAS, MIC, MCA dan beberapa parti lain.

Mengulas lanjut, Muhyiddin memaklumkan bahawa majlis angkat sumpah Perdana Menteri dijangka akan diadakan jam 10.30 pagi ini di Istana Negara.

"Saya dimaklumkan majlis angkat sumpah akan diadakan di hadapan Yang di-Pertuan Agong esok (hari ini), jam 10.30 pagi.

"Insya-Allah saya akan berada di Istana Negara esok (hari ini)," katanya.

Ahli Parlimen Pagoh, Johor sejak 1978

- 1970: Memulakan kerjaya sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Johor Darul Ta'zim (Bahagian Latihan dan Biasiswa)
- 1971: Dilantik Bendahari UMNO Muar-Pagoh
- 1974: Ketua Pemuda UMNO Pagoh/ Setiausaha Pemuda UMNO Johor
- 1978: Ahli Parlimen Pagoh
- 1982: Timbalan Ketua UMNO Bahagian Pagoh
- 1986: Menteri Besar Johor ke-13
- 1985: Ahli Majlis Tertinggi UMNO
- 1993: Menang Naib Presiden UMNO
- 1996: Gagal pertahankan jawatan Naib Presiden UMNO
- 4 Mei 1995 - 14 Disember 1999: Menteri Belia dan Sukan
- 2000: Menang semula pemilihan Naib Presiden UMNO, undian ketiga tertinggi.
- 15 Disember 1999 - 26 Mac 2004: Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
- 27 Mac 2004 - 18 Mac 2008: Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani
- 19 Mac 2008 - 9 April 2009: Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
- 26 Mac 2009 - 26 Februari 2016: Timbalan Presiden UMNO
- 26 Mac 2009 - 26 Februari 2016: Timbalan Pengurus Barisan Nasional (BN)
- 10 April 2009 - 11 Ogos 2013: Menteri Pelajaran
- 2009: Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Pengurus BN
- 10 April 2009: Dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri
- 2016: Digantung jawatan Timbalan Presiden UMNO berikutan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).
- Jun 2016: Dipecat sebagai Timbalan Presiden UMNO
- September 2016: Menjadi antara pengasas Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dan dilantik sebagai Presiden
- 13 Julai 2017: Dilantik sebagai Timbalan Presiden dalam struktur baru Majlis Presiden Pakatan Harapan
- 22 Ogos 2017: Dilantik Pengurus Pakatan Harapan Johor
- 2018: Dilantik sebagai Menteri Dalam Negeri
- 29 Februari 2020: Diumumkan sebagai Perdana Menteri kelapan